



Siapkan surat kuasa, permudah keluarga

Jul 19, 2018 | 05:30 AM

[Kongsi](#)

BUAT PERSIAPAN AWAL DENGAN LPA: Konsultan Rumah Rawatan Jamiyah Darul Syifaa, Encik Satyaprakash Tiwari (empat dari kanan); Dr Faishal Ibrahim (tiga dari kanan); Naib Presiden I Jamiyah dan Pengurus Darul Syifaa, Dr H M Saleem (dua dari kanan); dan Naib Presiden II Jamiyah, Mohd Yunos Mohd Shariff (kanan) sama-sama menyertai simposium LPA anjuran Jamiyah Singapura di Darul Syifaa baru-baru ini. - Foto JAMIYAH SINGAPURA

APABILA mencapai usia senja, seorang individu itu mungkin hilang daya mental dan tidak lagi mampu membuat keputusan buat diri sendiri.

Justeru, adalah penting bagi masyarakat mempertimbang mendapatkan Surat Kuasa Berkekalan atau Lasting Power of Attorney (LPA), sebagai sebahagian daripada perancangan hari muka, kata Setiausaha Parlimen Kanan (Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Pendidikan), Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim, semasa berucap di simposium LPA anjuran Jamiyah Singapura baru-baru ini.

Menyentuh pentingnya membuat perancangan bagi memastikan kepentingan diri dilindungi dan anggota keluarga tidak dibebani tekanan tambahan, Dr Faishal berkata langkah mendapatkan LPA itu adalah bagi membolehkan seorang individu membuat pilihan siapa yang wajar membuat keputusan bagi pihak mereka sekiranya mereka hilang daya mental pada masa akan datang.

"Semasa membuat keputusan siapa untuk dilantik sebagai wakil atau donee dalam LPA itu, saya menggalak anda berbincang dengan anggota keluarga anda atau orang yang anda amat percayai.

"Anda harus melantik seseorang yang tahu apa yang anda lebih suka secara peribadi supaya beliau dapat membuat keputusan berdasarkan kepentingan anda sekiranya anda hilang upaya mental," kata Dr Faishal.

Namun sekiranya seseorang itu hilang daya mental tanpa mendapatkan LPA, anggota keluarganya perlu memohon kepada mahkamah untuk menjadi wakil.

Menurut Dr Faishal, ini akan memakan masa lebih lama dan menelan belanja lebih tinggi berbanding mendapatkan LPA.

Lantas, ini juga boleh menambah tekanan kepada keluarga, khususnya jika mereka tidak dapat membuat sebarang keputusan sementara menanti hasil permohonan LPA tersebut.

Tambahnya, Pejabat Penjaga Awam (OPG) juga telah berusaha memastikan proses permohonan LPA lebih mudah dan terus dimampui bagi menggalak lebih ramai warga mendapatkannya.

Sehingga Disember tahun lalu, lebih 40,000 orang telah memohon bagi mendapatkan LPA.

"Saya berharap lebih ramai anggota masyarakat Melayu/Islam dapat tampil mengemukakan permohonan LPA mereka," ujar Dr Faishal.

Baru-baru ini juga, Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) mengumumkan untuk tidak mengenakan bayaran permohonan \$75 untuk Borang 1 LPA bagi warga Singapura sehingga 31 Ogos 2020.

Orang ramai masih akan dikenakan bayaran profesional bagi pengeluar sijil LPA itu menjadi saksi dan mengesahkan permohonan LPA.

Namun menurut Dr Faishal, bayaran itu tidak mahal dan terdapat badan tidak meraih keuntungan yang menawarkan khidmat tersebut dengan kadar subsidi sekiranya mereka memerlukan bantuan.

"Semasa membuat keputusan siapa untuk dilantik sebagai wakil atau 'donee' dalam LPA itu, saya menggalak anda berbincang dengan anggota keluarga anda atau orang yang anda amat percayai."

- Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim mengenai rancangan mendapatkan Surat Kuasa Berkekalan (LPA).

APAKAH ITU LPA?

- Surat Kuasa Berkekalan atau Lasting Power of Attorney (LPA) adalah dokumen undang-undang.

- Ia membolehkan individu yang berusia sekurang-kurangnya 21 tahun melantik seorang atau lebih individu untuk membuat keputusan penting bagi dirinya sekiranya dia kehilangan daya mental pada satu hari nanti.

- Wakil boleh dilantik untuk membuat keputusan dan bertindak dalam dua bidang - kebijakan peribadi dan perkara berkaitan hartaanah dan hal ehwal dirinya.

- Bagi maklumat lanjut, lungsuri laman

<https://www.publicguardian.gov.sg/opg/Pages/The-LPA-The-Lasting-Power-of-Attorney.aspx>

Buat pelantikan semasa mental masih upaya

Jul 19, 2018 | 05:30 AM



0



Kongsi

APABILA mendengar suaminya yang pernah mengalami angin ahmar ringan dan menghidap penyakit Parkinson sejak tujuh tahun lalu, turut mempunyai risiko demensia, Cik Rosita Selamat menyarankan agar suaminya mendapatkan Surat Kuasa Berkekalan (LPA) sementara beliau masih mempunyai keupayaan mental.

Dengan LPA itu, suaminya itu dapat melantik isteri dan anak-anaknya untuk membuat keputusan bagi pihaknya jika beliau kehilangan daya mental.

Bagi Cik Rosita, 57 tahun, langkah itu memberinya ketenangan kerana beliau tahu beliau boleh membuat keputusan bagi pihak suaminya dengan mudah jika perlu satu hari nanti.

"Saya sekarang berasa lega kerana anak-anak kami pun tahu apa untuk dilakukan sekiranya sesuatu berlaku nanti," ujar ibu tiga anak yang berusia antara 26 dengan 33 tahun itu.

Keputusan yang dibuat suaminya turut mendorong Cik Rosita, yang mengalami masalah buah pinggang, untuk mendapatkan LPA bagi dirinya sendiri agar mudah bagi anaknya membuat keputusan baginya sekiranya beliau hilang daya mental.



0



Kongsi